

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[ TELOK KEMANG ]**  
**TARIKH : 18 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta**  
**MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) keputusan Kementerian untuk menggunakan vaksin Dengavaxia yang hanya dapat memberikan perlindungan dengan keberkesanan sebanyak 47% kepada pengidap demam denggi; dan
- (b) apakah Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk membuat kajian perubatan komplementari berkaitan potensi jus daun betik dan kunyit yang boleh digunakan sebagai ubat kepada demam denggi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Produk vaksin Dengavaxia merupakan produk baru. Oleh itu, sebelum produk tersebut di bawa masuk ke Malaysia, ia perlu di daftarkan melalui Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, KKM. Untuk makluman, produk tersebut masih dalam proses pendaftaran dan pada bulan Mac

tahun 2016 yang lalu, produk tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk keputusan pendaftaran. Walau bagaimanapun pendaftaran produk ini ditangguhkan kerana mesyuarat memerlukan maklumat lanjut daripada syarikat Sanofi berkaitan data keselamatan serta pelan kajian lanjut di Malaysia dan pemantauan keselamatan penggunaan vaksin tersebut (sekiranya pendaftaran vaksin tersebut diluluskan).

Untuk makluman, keberkesanan vaksin Dengavaxia berdasarkan kajian ke atas populasi kanak-kanak 9-16 tahun adalah 65.6%, manakala untuk orang dewasa dan kanak-kanak di bawah 9 tahun, tiada data berkenaan keberkesanan vaksin ini ke atas golongan tersebut.

#### **Tuan Yang Dipertua,**

Kajian mengenai kesan jus daun betik ke atas demam denggi sedang dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Terdapat dua peringkat kajian iaitu praklinikal dan klinikal. Peringkat praklinikal yang telah siap dijalankan oleh jus daun betik ialah kajian piawaian (*standardization*) dan kajian keselamatan ke atas sel dan haiwan makmal. Terdapat beberapa kajian keberkesanan yang masih dijalankan bagi memastikan keseluruhan aktiviti jus daun betik ini dapat ditentukan. Kesemua data praklinikal ini adalah diperlukan bagi menjalankan kajian klinikal.

Peringkat kajian klinikal di dalam manusia adalah diperlukan bagi menentukan dos yang selamat digunakan, keberkesanan ubat herba tersebut serta memastikan kesan-kesan sampingan yang

memudaratkan ke atas manusia. Terdapat beberapa fasa iaitu fasa satu, dua dan tiga dimana kajian ke atas dijalankan secara berperingkat.

Kajian awal menunjukkan bahawa jus daun betik tidak membunuh kuman denggi tetapi mampu menaikkan bilangan platelet yang membantu mengurangkan komplikasi pendarahan. Oleh kerana hanya satu aktiviti ini yang telah dibuktikan, jus daun betik bukan merupakan rawatan bagi demam denggi yang mempunyai simptom yang kompleks.

Buat masa ini tiada kajian ke atas kunyit sebagai ubat kepada demam denggi dijalankan oleh IMR.